

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

SOALAN : **233**

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan hasil mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya (*Electoral Reform Committee*), dan hasil- hasil mesyuarat tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau *Electoral Reform Committee* (ERC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji sistem dan proses serta undang-undang pilihan raya sedia ada. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di masa-masa akan datang adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.
2. ERC ditubuhkan pada Ogos 2018 dan diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan sebuah laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi pilihan raya. Cadangan ini akan mengandungi rekomendasi tentang sistem, proses dan pindaan kepada undang-undang pilihan raya.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini ERC sedang dalam proses mengadakan sesi libat urus di seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan rakyat secara terus berkaitan urusan pilihan raya di Malaysia. Setakat ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan iaitu pada 12 Februari 2019 di Ibu Pejabat ERC di Putrajaya, 21 Februari 2019 di Dewan Serbaguna Menara Usahawan, Putrajaya, 6 Mac 2019 di Universiti Utara Malaysia, Kedah dan 12 Mac di Universiti Sains

Malaysia, Pulau Pinang. Beberapa lagi sesi libat urus yang telah dirancang dilaksanakan mengikut zon seperti di Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak.

4. Mengambil kira dapatan daripada sesi libat urus dan kajian awal yang sedang dilaksanakan, ERC bercadang untuk menyediakan Laporan Awal (*interim report*) yang dijadualkan untuk diserahkan kepada Kerajaan pada Disember 2019. Selain program libat urus, ERC turut mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pelbagai pihak bagi menyelaraskan isu dasar dan teknikal berkaitan pilihan raya.

6. Bagi tujuan mendapatkan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa, ERC turut menjalankan kajian perbandingan pelaksanaan pilihan raya dengan negara-negara lain seperti United Kingdom, Australia, Kanada, Jerman, Indonesia dan sebagainya. Selaras dengan itu, ERC turut bertindak mendapatkan bantuan daripada beberapa badan antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* (UNDP), *International Institute for Democracy and Electoral Assistance* (International IDEA) dan *International Foundation for Electoral Systems* (IFES) yang merupakan pakar dalam sistem dan penjalanan pilihan raya di peringkat antarabangsa. Selain bantuan khidmat nasihat, badan-badan ini turut menghulurkan bantuan dalam bentuk pembiayaan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh ERC.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Ahli-Ahli ERC terdiri daripada pakar-pakar atau mereka yang berpengalaman dalam pengurusan pilihan raya. Namun begitu, bagi tujuan memastikan cadangan yang dikemukakan adalah praktikal dan bersesuaian untuk dilaksanakan di negara kita, ERC memerlukan masa untuk meneliti dan mempertimbangkan

NO. SOALAN: 233

setiap usul dan cadangan yang dikemukakan kepada ERC. Tambahan pula, kajian yang sedang dilaksanakan ini mencakupi keseluruhan aspek pelaksanaan pilihan raya di Malaysia, maka, hasil kajian dan cadangan hanya dapat dimaklumkan selepas semua kajian selesai dijalankan. Sehubungan dengan itu, ERC merasakan bahawa buat masa ini, masih terlalu awal untuk ERC memaklumkan sebarang cadangan atau dapatan terhadap kajian yang sedang dijalankan dan kesemua hasil kajian dan cadangan reformasi hanya akan dapat diketahui sebaik sahaja laporan akhir disediakan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.